



45 pendaki pengamal media Pahang dan warga UMP tawan puncak Gunung Rajah

Kumpulan pendaki pengamal media Pahang dan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menamatkan cabaran dengan menawan puncak Gunung Rajah yang merupakan antara lima gunung ditakrif paling sukar didaki di negara ini pada 27 Februari sehingga 1 Mac 2015 yang lalu.

Puncak Gunung Rajah setinggi 1,648 meter yang terletak di Bentong, Pahang itu turut disertai wakil Pejabat Tengku Mahkota Pahang, Kelab Adventure Media Prima, Pejabat Anggota Parlimen Paya Besar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Penerangan Pahang sambil dibantu Pergerakan Pemuda UMNO Bentong.

Pendakian hampir sembilan jam itu yang melibatkan 45 peserta turut disertai wakil

Pejabat Tengku Mahkota Pahang, Rahim Othman dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), UMP, Profesor Dato' Dr, Rosli Mohd Yunus serta isteri.

Paling membanggakan apabila enam peserta veteran iaitu Presiden Kelab Media Pahang, Nik Naizi Husin, 56, Abdul Rizal Abdul Razak (RTM), 56, Raim (Pejabat Tengku Mahkota Pahang), 54, Bazaai Ahmad (TV3), 54, Rosli (UMP), 52, dan Zakaria Hashim (TV3), 51, turut sama menamatkan cabaran ekspedisi sejauh 34.2 kilometer itu.

Ketua Ekspedisi yang juga merupakan koresponden TV3 Wilayah Pantai Timur, Fazli Ahmad berkata, aktiviti tersebut bertujuan membina kerjasama kalangan media dan agensi kerajaan yang menjadi sebahagian daripada pengamal media.

Fazli Ahmad yang mempunyai pengalaman selama tujuh tahun dalam bidang pendakian dan telah menakluki kira-kira 14 gunung di serata dunia termasuk Gunung Fransipan.

Menurutnya, misi menawan puncak Gunung Rajah itu juga adalah sebagai persiapan peserta Media Pahang untuk Program Mendaki Gunung Kerinci, Indonesia pada Jun 2015.

Peserta ekspedisi bertolak dari kampus UMP Gambang pada pukul empat petang dan tiba pada pukul tujuh malam.

Pendakian hari pertama mengambil masa lapan jam sebelum tiba di *base camp* Batu Hijau dengan pelbagai halangan dan rintangan termasuk mendaki cerun setinggi 80 darjah sejauh 200 meter dengan laluan berbatu yang licin serta anak sungai.

Mereka tiba dengan selamat di Batu Hijau pada pukul empat petang dan disambut dengan deruan bunyi air terjun dan rimba

unggas.

Kesemua pendaki selamat sampai ke tapak perkhemahan pada pukul lima petang. Peserta seterusnya berehat di khemah yang didirikan sementara menunggu pendakian kedua pada pukul tiga pagi.

Pendakian bermula pada pukul 3.30 pagi dan terpaksa mendaki menggunakan tali dan laluan yang tiada tali, peserta terpaksa berpaut pada akar. Akhirnya, para peserta tiba di puncak pada pukul 7.20 pagi.

Tambah Fazli lagi, selain latihan fizikal dan mental, misi ini berjaya membentuk semangat kerjasama memperkukuhkan hubungan erat antara media dan agensi terlibat sekali gus membantu mempromosikan Gunung Rajah sebagai lokasi sukan lasak mendaki gunung yang mempunyai laluan mencabar di negeri Pahang.

Menurut salah seorang peserta yang juga merupakan Pegawai Tadbir di Pejabat Naib Canselor (PNC) UMP, Mohd Jamil Mohd Jaafar, ini adalah pengalaman pertama mendaki sehingga ke puncak yang dilitupi awal tebal.

"Jika ada peluang mendaki gunung lagi, saya tidak akan menolak kerana saya suka kepada pengalaman baru lagi mencabar," katanya.

Manakala bagi Pembantu Tadbir (P/O) PNC, Nor Fadzillah Zulkipli, Gunung Rajah adalah pendakian ketiga selepas Gunung Besar Hantu dan Gunung Jasar. Pendakian Gunung Rajah yang paling mencabar.

"Perasaan gembira tidak dapat digambarkan setelah misi ini selesai, di samping dapat menikmati flora dan fauna, kami juga dapat berinteraksi dan berkenalan dengan pasukan media Pahang yang lain," ujar beliau sambil mengukir senyuman.